

# Hayati budaya inovasi dan kreativiti

## ► Saranan kepada kakitangan UMS

UB 8.10.2016 B9

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Para kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran memupuk dan menghayati usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti secara berterusan di universiti berkenaan.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, amalan dan pembudayaan ini selaras dengan matlamat program transformasi negara dalam melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

“Program ini juga sememangnya wajar dilaksanakan bagi menerapkan konsep ‘knowledge base’ dan ‘creativity driven’ bagi membolehkan kita menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu perkhidmatan yang

berkualiti.

“Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai dan etika kerja yang positif,” katanya pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kreatif dan Inovatif (KreaNova) bagi tahun 2016, di sini kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Doktor D. Kamarudin D Mudin.

Selain itu Harun berkata, dengan memberi galakan kepada pertubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif, pengurusan Lean atau EKSA, para kakitangan boleh menyampaikan cadangan penyelesaian terhadap sesuatu masalah kepada pengurusan UMS.

Di samping itu katanya, ia juga memudahkan pelaksanaan ‘good governance’ bagi memastikan prestasi kecemerlangan universiti itu sentiasa di tahap yang terbaik.



**KAMARUDIN (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Sa'udah pada majlis berkenaan.**

“Sebagai contoh, saya dimaklumkan Kumpulan Team Excellence ‘Diagnose’ daripada Jabatan Pendaftar mencadangkan penyelesaian kepada masalah proses pembayaran klinik panel tahun ini dan berjaya mewakili UMS dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) di peringkat Universiti Awam serta Konvensyen Team Excellence peringkat

Sarawak dan Sabah.

“Kumpulan ini juga layak mewakili UMS ke Konvensyen Team Excellence peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada 25 hingga 27 Okt 2017 di PICC Putrajaya,” jelasnya.

Pada masa sama, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pendaftar atas komitmen bersama ahli jawatankuasa



**KAMARUDIN (tengah) bersama semua tetamu kehormat yang juga rakan strategik KreaNova merakam gambar kenangan selepas menandatangani LOI masing-masing.**

pelaksana sambutan Bulan KreaNova dalam memastikan kesinambungan program berkenaan.

Menurutnya, program ini adalah suatu proses penjenamaan semula dan perekaayaan kepada Konvensyen KIK dan Kumpulan Penggerak Inovasi (KPI) yang dilaksanakan sebelum ini.

“Sememangnya, program ini adalah satu lagi usaha berterusan universiti untuk terus maju ke hadapan ke arah meningkatkan lagi sistem penyampaian dan perkhidmatan universiti sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

“Program sebegini juga merupakan satu platform untuk memberi ruang dan peluang kepada kakitangan dalam membantu organisasi memilih, mengenalpasti dan menganalisis masalah yang berkaitan dengan

kerja melalui kreativiti dan inovasi di kalangan mereka,” katanya.

Sementara itu Pendaftar UMS merangkap Penasihat Program Sambutan Bulan KreaNova UMS 2016 No'man Ahmad berkata, berdasarkan rekod projek KreaNova dalam konvensyen KPI UMS tahun lepas, sebanyak 26 proses kerja dapat dikurangkan iaitu bersamaan dengan 30, 304 minit.

Katanya, penjimatan kos keseluruhan yang dapat dijimatkan adalah sebanyak RM1,306,621.

Mengulas lanjut No'man berkata, sambutan berkenaan akan diadakan selama sebulan sepanjang Okt ini dengan pelbagai pengisian seperti Bengkel Manual Prosuder Kerja (MPK) EKSA, Program ‘Productivity for Youth’, KreaNova Fun Race, Perkongsian Projek Inovasi oleh Sime Darby, aktiviti peringkat Jabatan

atau PTJ, termasuklah aktiviti pengurusan rekod serta Konvensyen KPI.

Pada majlis itu juga, satu sesi menandatangani Letter Of Intent (LOI) dengan rakan strategik KreaNova UMS termeterai bagi meningkatkan kerjasama dan berkongsi kepakaran di samping memberi galakan kerjasama jangkawidiantara Malaysia Productivity Corporation (MPC) cawangan Sabah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) cawangan Sabah, serta Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Hadir sama ialah Pengarah MPC Sabah Norzirin Ariffin, Pengarah Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan Sa'udah Abdul Manaf, Penolong Pengarah Kanan Mampu cawangan Sabah Moro Jarani.